

RASUAH DAN PERTUMBUHAN EKONOMI: PERBANDINGAN ANTARA INDONESIA DAN MALAYSIA

Mohammad. Taqiuddin bin Mohamad¹
m.taqiuddin@um.edu.my
Jabatan Syariah dan Ekonomi
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Malaysia

Mohd. Hafiz bin Abdul Wahab²
hafiz_210982@yahoo.com
Pusat Pengajian Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia

ABSTRAK

Rasuh merupakan gejala serius yang sering menjadi topik perbincangan pada akhir-akhir ini. Pelbagai implikasi negatif akan timbul seperti ketidakadilan sosial akibat daripada rasuh. Dari aspek ekonomi, rasuh boleh mengakibatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara terbantut. Bertepatan dengan masalah ini, maka objektif utama kajian ini dibuat adalah untuk melihat kesan rasuh terhadap pertumbuhan ekonomi bagi dua buah negara iaitu Malaysia dan Indonesia. Kajian adalah berdasarkan beberapa pembolehubah iaitu Indeks Rasuh, Pelaburan Langsung Asing (FDI), perbelanjaan kerajaan dan kadar inflasi untuk tempoh 1980-2006. Untuk memenuhi objektif kajian ini, analisis penganggaran menggunakan perisian Eviews dilakukan untuk menilai hubungan dan pengaruh pembolehubah Indeks Rasuh terhadap pertumbuhan ekonomi. Hasil kajian empirik mendapat kedua-dua negara yang dikaji menunjukkan pembolehubah Indeks Rasuh adalah signifikan dalam menerangkan pertumbuhan ekonomi. Kajian juga mendapat pembolehubah Indeks Rasuh mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Malaysia secara negatif, manakala di Indonesia pembolehubah Indeks Rasuh mempengaruhi pertumbuhan ekonomi secara positif.

Kata Kunci: Rasuh dan Pertumbuhan Ekonomi.

1. PENGENALAN

Rasuh sering kali diperkatakan sejak kebelakangan ini. Bahkan ia hanya menjadi barah kepada masyarakat kerana sifat keji perbuatan tersebut dan kesan buruknya kepada masyarakat serta negara. Buktinya sejarah telah menunjukkan bahawa bahanan rasuh telah menyebabkan diktator Ceausescu tumbang di Romania yang dihukum tembak pada tahun 1990. Shah Reza Pahlavi di Iran, terpaksa melarikan diri daripada takhtanya akibat revolusi rakyat akibat rasuh dan penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran. Begitu juga yang berlaku kepada bekas Presiden Filipina Ferdinand Marcos, yang digulingkan dan terpaksa hidup dalam buangan hingga ke akhir hayatnya akibat rasuh. Di Amerika Syarikat pula, Presiden Richard Nixon juga tumbang akibat skandal Watergate, semuanya berlaku gara-gara perbuatan jenayah rasuh (Mohd Shauki, 2004). Ini jelas menunjukkan bahawa kejatuhan sesebuah kerajaan itu tidak

¹ Pengajar, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

² Penyelidik, Pusat Pengajian Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

semestinya kalah di medan peperangan tetapi kejatuhan sesebuah kerajaan itu adalah daripada sikap buruk masyarakat itu sendiri.

Perkataan “*Rasuah*” berasal daripada perkataan Arab iaitu “*al-risyawah*”. Dalam bahasa Indonesia, perkataan rasuah sinonim dengan perkataan korupsi dan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai bribe. “*Rasuah*” menurut Kamus Dewan (1992) ialah pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuarap), (wang) tumbuk rusuk (sogok, suap). Rasuah adalah harta yang diperolehi kerana terselesainya suatu kepentingan manusia (baik untuk memperolehi keuntungan mahupun untuk menghindari kemudharatan) yang sepatutnya wajib diselesaikan tanpa imbalan (Zaharuddin, 2008)³. Bank Dunia pula mentakrifkan rasuah sebagai perilaku pihak pejabat dalam masyarakat dan sektor swasta, di mana mereka memiliki kekayaan diri secara tidak sah ataupun mempengaruhi orang lain untuk melakukannya dengan menyalahgunakan kuasa yang mereka miliki.

Rasuah juga dikatakan sebagai satu tindakan pemerasan yang dilakukan oleh seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan pertolongan dan faedah dirinya sendiri. Ini kerana apabila melalui prosedur-prosedur biasa, dia tidak akan memperoleh apa-apa yang dikehendakinya itu. Secara amnya rasuah bermakna kuasa yang telah diberikan kepada seseorang disalahgunakan dan bertindak untuk kebaikan diri sendiri dan bersikap ‘pilih kasih’ dalam tindakannya.⁴ Di Malaysia, dari segi undang-undang semua perkataan “*memberi dan menerima suapan*” adalah sebahagian daripada perbuatan dan kesalahan jenayah rasuah (Nurhafifi Yahya, 2008).

Menurut David Ng (2006) pula, rasuah adalah lanjutan daripada amalan yang mengandungi perbuatan lain iaitu kuasa keinginan lain dalam sektor awam. Dalam kajian akademik, rasuah sering kali dijelaskan sebagai penyakit kakitangan awam demi kekayaan diri sendiri. Biasanya, rasuah dijadikan sebagai salah satu jalan pintas seseorang untuk mengecapi kehidupan mewah atau dengan erti kata lain muhu menjadi kaya dalam masa singkat. Kebiasaan orang yang melakukan budaya ini tidak memikirkan kesan buruk yang akan terjadi, sebaliknya mereka hanya memikirkan keuntungan kepada diri mereka.⁵

Hal ini tidak dapat dinafikan di mana kakitangan awam merupakan individu yang sering melakukan aktiviti rasuah. Ini kerana kakitangan awam merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam meluluskan sesuatu perkara bagi sesebuah negara serta mempunyai kuasa dalam mentadbir sesebuah kerajaan. Misalnya akhbar Berita Harian (2007) di Malaysia pernah memaparkan kenyataan Ketua Badan Pencegah Rasuah Malaysia (BPR) iaitu Datuk Ahmad Said Hamdan yang mendedahkan sebanyak 546 tangkapan yang dibuat, 70 peratus daripadanya membabitkan kakitangan kerajaan manakala 30 peratus lagi adalah swasta dan lain-lain”.⁶

Ini jelas menunjukkan bahawa takrifan yang dibuat menurut David Ng ada asasnya di mana amalan rasuah merupakan amalan yang sering dilakukan oleh penjawat awam. Seterusnya kepercayaan, amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka ini telah dirosakkan demi kepentingan diri sendiri.

³ Zaharuddin A, R (2008), Gejala Rasuah dan Statistiknya di Malaysia <http://www.zaharuddin.net/>, 12 Jun 2008.

⁴ Nurhafifi Yahya (2008) <http://www.islam.gov.my/e-referuan/lihat.php?jakim=2088-Koleksi Ilmiah Jakim pada 14/6/2008>

⁵ Ibid Jakim

⁶ Berita Harian. 2007, 30 Ogos

yang miskin menjadi semakin miskin. Fenomena ini boleh mengakibatkan penindasan berlaku di mana satu-satu perkara tidak dapat disalurkan dengan jalan yang betul dan seterusnya akan menyebabkan golongan yang berhak tidak mendapat apa-apa manfaat dan sebaliknya yang tidak berhak mendapat manfaat.

Sebenarnya Islam telah mengharamkan penindasan di mana sikap rakus tersebut menyebabkan orang miskin terpinggir dan seterusnya tidak mendapat pembelaan. Namun demikian, setiap kehidupan manusia sama ada kecil ataupun besar akan dinilai oleh Allah s.w.t. Oleh itu Islam lebih menekankan kepada konsep persaudaraan di mana setiap umat Islam adalah bersaudara.

Dalam Islam, tanggungjawab menjana keutuhan agama dan kekuatan umat di sebuah negara terletak di tangan orang yang memegang amanah, kuasa dan pangkat. Jika di kalangan mereka terbukti kotor dengan gejala rasuah ini, maka negara-negara lain khususnya negara bukan Islam akan melihat dan menilai betapa kepimpinan Muslim tidak memiliki kredibiliti yang tinggi untuk dipertanggungjawab sebagai pemegang amanah rakyat (Mohd Shauki, 2004).

Justeru itu, amatlah wajar umat Islam untuk bersikap sentiasa menegur dan membongkar segala unsur-unsur yang melibatkan rasuah seperti penyelewengan, salah guna kuasa dan sebagainya. Ini adalah kerana ia merupakan jihad sosial yang sangat utama demi keadilan yang dituntut oleh Allah s.w.t supaya nama baik Islam terus disanjung disamping perlembagaan serta kemakmuran sesebuah negara akan terpelihara.

Faktor dan Ciri-Ciri Rasuah

Amalan rasuah lazimnya berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Hal ini kerana perlakuan rasuah terjadi demi kepentingan diri sendiri dan untuk kepentingan orang-orang tertentu. Menurut Haji Abdul Samat Kasah (2002), terdapat pelbagai faktor yang boleh dikaitkan dengan perbuatan jenayah rasuah ini. Walau bagaimanapun secara ringkasnya, berdasarkan kepada pengalaman Badan Pencegah Rasuah (BPR), ia berlaku disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

a) Ingin Hidup Mewah

Dalam hal ini, seseorang yang ingin hidup mewah dan cepat kaya akan sentiasa mengejar kebendaan tanpa mengira halal dan haram. Apa yang dipentingkannya hanyalah nilai-nilai material dengan tidak mengendahkan tanggungjawabnya sebagai seorang penjawat awam yang diamanahkan dengan kuasa dan tanggungjawab. Individu seperti ini tidak mahu mengambil kira langsung bahawa dengan melakukan perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa sebenarnya dia telah melakukan satu bentuk kezaliman, penganiayaan dan menafikan hak orang lain atau memberikan hak sesuatu itu bukan kepada orang yang sepatutnya mendapat hak itu.

b) Hidup Suka Bermegah-Megah

Sikap hidup yang suka bermegah-megah turut dikatakan menjadi faktor berleluasanya amalan rasuah ini. Pepatah orang Perak iaitu “*biar papa asal bergaya*” dijadikan amalan biasa di mana seseorang itu sanggup menyara kehidupan melebihi pendapatan sehingga terpaksa berhutang ke sana sini. Akhirnya akibat beban hutang, jenayah rasuah terus dilakukan tanpa mengendahkan hukum dan akibat perlakuan tersebut.

PANDANGAN ISLAM TERHADAP RASUAH

Islam telah menjelaskan pengharaman rasuah dengan begitu jelas. Agama selain Islam juga turut melarang perbuatan tersebut. Dalam Islam, rasuah sebenarnya telah lama disedari dan kaedah terbaik bagi mengatasi dan mengawalnya juga telah disediakan. Langkah pertama yang tegas telah diutarakan oleh Islam iaitu mengharamkan secara berkesan tanpa bertolak ansur dengan rasuah, seperti sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh at-Tirmizi yang bermaksud:

“Penerima dan pemberi rasuah akan ditempat dalam api neraka”.

Perbuatan ini juga dikutuk dengan kerasnya oleh Allah SWT sebagaimana dinyatakan dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Ahmad :

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ الرَّاشِيِّ وَالْمُرْتَشِيِّ فِي الْحُكْمِ

Ertinya :

"Rasulullah s.a.w telah melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah dalam penetapan keputusan (pemerintahan, pentadbiran, kehakiman)"

(Riwayat Al-Tirmidzi, 3:622)

Allah s.w.t juga turut berfirman dalam al-Quran yang menyebut:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ يَا لَبَاطِلٌ وَنَذِلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ
بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui."⁷

(al-Baqarah 2:188)

Berdasarkan petikan ayat al-Quran di atas, Islam melarang keras amalan rasuah dan ada asasnya mengapa Islam melarang keras amalan tersebut sebagaimana pengharaman judi, arak, zina dan sebagainya. Asas kepada pengharaman rasuah tersebut boleh dilihat dari mata kasar ialah kesan kepada ekonomi sesebuah negara dan juga kepada masyarakat khususnya.

Menurut Khairul Azhar Idris (2005) gejala rasuah pada hakikatnya dilihat sebagai satu jalan pintas dan mudah bagi mendapatkan sesuatu peruntukan ataupun kejayaan daripada golongan tertentu. Gejala tersebut biasanya akan menimbulkan satu fenomena di mana golongan kaya menjadi semakin kaya dan

⁷ Sheikh Abdulla Basmieh (1995), "Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran", cetakan ke enam, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

c) Kurangnya Penghayatan Nilai-Nilai Murni

Selain itu, kurangnya ilmu-ilmu keagamaan serta penghayatan nilai-nilai murni dan hilangnya nilai-nilai akhlak yang baik juga turut merupakan faktor yang menyebabkan seseorang itu bergelumang dalam jenayah rasuah.

d) Sosial Dan Kebudayaan

Sesuatu kaum khususnya di Malaysia kebiasaanya mempunyai budaya hidup dan tradisi masing-masing berhubung dengan pemberian wang ataupun hadiah. Misalnya, menjadi tradisi masyarakat Cina suka memberi "angpau" manakala tradisi orang Melayu pula suka memberi buah tangan, sedekah dan sebagaimana pada masa-masa tertentu. Sebab itulah di dalam sesetengah keadaan, rasuah ini hampir sama dengan upah sehingga ada orang yang cuba menyatakan bahawa 'ini bukan rasuah, tapi upah' (Zaharuddin, 2008). Proses memberi dan menerima wang atau hadiah ini akhirnya akan mewujudkan suasana termakan budi "*social obligation*" dan sekiranya nilai moral sesebuah masyarakat rendah, maka perbuatan rasuah akan mudah menular.

Dengan penyataan yang ini, jelas menunjukkan bahawa amalan rasuah yang dilakukan adalah demi kepentingan diri dan lazimnya ia memudaratkan orang lain. Dalam pada itu, Syed Hussen Alattas (1995) telah mengemukakan beberapa ciri-ciri rasuah yang boleh dinyatakan seperti berikut:

- Sesuatu pengkhianatan terhadap kepercayaan;
- Penipuan terhadap badan pemerintah, lembaga swasta atau masyarakat umumnya;
- Dengan sengaja melalaikan kepentingan umum untuk kepentingan khusus;
- Dilakukan dengan rahsia, kecuali dalam keadaan di mana orang-orang yang berkuasa atau bawahannya menganggap tidak perlu;
- Melibatkan lebih dari satu orang atau pihak;
- Adanya kewajipan dan keuntungan bersama, dalam bentuk wang atau yang lain;
- Terpusatnya kegiatan (rasuah) pada mereka yang menghendaki keputusan yang pasti dan mereka yang dapat mempengaruhinya;
- Adanya usaha untuk menutup perbuatan rasuah dalam bentuk-bentuk pengesahan hukum;
- Menunjukkan fungsi ganda yang kontradiktif pada mereka yang melakukan rasuah.

Jika dilihat daripada faktor-faktor rasuah dan ciri-ciri rasuah yang dinyatakan di atas, intipati kepada rasuah yang sebenarnya adalah pencurian melalui penipuan dalam situasi yang mengkhianati kepercayaan. Kepercayaan yang diberi merupakan tanggungjawab dan amanah individu yang telah diberikan, malangnya amanah yang dipikul tersebut dirosakkan dan sebab itulah berlakunya penyelewengan.

JENIS-JENIS RASUAH

Menurut Syed Hussen Alatas (1995) lagi, rasuah dapat dibahagikan kepada tujuh jenis dan hanya enam jenis yang akan diuraikan oleh beliau. Di antara rasuah-rasuah tersebut ialah:

- Rasuah transaktif (*transactive corruption*)
- Rasuah yang memeras (*extortive corruption*)
- Rasuah investif (*investive corruption*)
- Rasuah pekerabatan (*nepotistic corruption*)
- Rasuah defensif (*defensive corruption*)
- Rasuah autogenik (*autogenic corruption*)
- Rasuah dukungan (*supportive corruption*)

i. **Rasuah Transaktif (*Transactive Corruption*)**

Rasuah transaktif menunjukkan kepada adanya kesepakatan timbal balik antara pihak pemberi dan pihak penerima demi keuntungan kedua belah pihak dan dengan aktif diusahakan tercapainya keuntungan ini oleh kedua-duanya. Rasuah jenis ini biasanya melibatkan dunia perusahaan dan pemerintah atau masyarakat dan pemerintah.

ii. **Rasuah Memeras (*Extortive Corruption*)**

Jenis yang memeras adalah rasuah dimana pihak pemberi dipaksa untuk menyiap bagi mencegah kerugian yang sedang mengancam dirinya, kepentingannya, atau orang-orang dan hal-hal yang dihargai.

iii. **Rasuah Defensif (*Defensive Corruption*)**

Rasuah defensif adalah perilaku korban rasuah dengan pemerasan. Rasuah ini adalah dalam rangka mempertahankan diri.

iv. **Rasuah Investif (*Investive Corruption*)**

Rasuah investif adalah pemberian barang atau jasa tanpa ada pertalian langsung dengan keuntungan tertentu, selain keuntungan yang dibayangkan akan diperoleh di masa yang akan datang.

v. **Rasuah Perkerabatan (*Nepotistic Corruption*)**

Rasuah perkerabatan atau nepotisme adalah petunjuk yang tidak sah terhadap teman atau sanak-saudara untuk memegang jawatan dalam pemerintahan, atau tindakan yang memberikan perlakuan yang mengutamakan dalam bentuk wang atau bentuk-bentuk lain kepada mereka secara bertentangan dengan norma dan peraturan yang berlaku.

vi. **Rasuah Dokongan (*Supportive Corruption*)**

Rasuah jenis ini tidak secara langsung menyangkut wang atau imbalan langsung dalam bentuk lain. Tindakan-tindakan yang dilakukan adalah untuk melindungi dan memperkuatkan rasuah yang sudah ada. Intrik dan berbisik-bisik para pembesar di dalam mesin politik Amerika Syarikat merupakan contoh yang tepat seperti misalnya menyewa penjahat untuk mengusir para pemilih yang jujur dari tempat pemungutan suara.

Oleh yang demikian, dengan terteranya jenis-jenis rasuah di atas, maka secara tidak langsung kita telah mengetahui sedikit sebanyak berkaitan dengan amalan-amalan rasuah yang sering diperlakukan oleh masyarakat mahupun pemimpin-pemimpin dalam mentadbir sesebuah kerajaan. Justeru, amat jelas bahawa amalan rasuah ini memberi kesan yang negatif dan ianya terbukti berdasarkan kepada situasi keadaan masa sekarang dan juga sejarah-sejarah yang terdahulu di mana kesannya amat buruk sekali sama ada dari aspek politik, sosial dan juga kepada ekonomi sesebuah negara. Menurut Nurhafifi Yahya (2008), dengan adanya rasuah, tiada sesiapa akan dapat mengagak tindakan seseorang atau hasil daripada sesuatu rancangan untuk masa depan. Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada cerdik pandai dan profesional yang ada. Kegiatan rasuah akan hanya menghakis kepercayaan orang awam terhadap cerdik pandai di sesebuah negara.

Selain itu sesebuah pemerintahan akan menjadi lemah kerana setiap kali rasuah berlaku, maka pemerintah akan kehilangan hasil atau tergelincir daripada tindakan-tindakan yang sepatutnya. Umpamanya jika cuai terhadap sesuatu yang telah ditentukan, maka pemberian rasuah telah menggantikan wang cukai yang sepatutnya dikutip dan manfaatnya hanya dinikmati oleh segelintir pemberi rasuah.

Akhirnya kesan yang paling besar daripada gejala rasuah ini ialah akan menyebabkan pentadbiran sesebuah negara menjadi kucar-kacir. Akibatnya, ia menimbulkan masalah lain seperti kemerosotan ekonomi, pengabaian kepentingan masyarakat dan sebagainya di samping boleh menghancurkan

pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara disebabkan amalan rasuah yang tidak terbendung.

2. TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Dalam mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai kesan rasuah ke atas pertumbuhan ekonomi, pengkaji telah membuat beberapa tinjauan terhadap kajian-kajian lepas yang dengan kesan rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi. Selain itu, terdapat juga kajian yang menjurus kepada berbagai keadaan dan tidak tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata. Antaranya adalah seperti berikut:

Paolo Mauro (1995) dalam jurnalnya yang bertajuk "*Corruption and Growth*" telah menggunakan data-data yang mengandungi indeks keberkesanan dan keluhuran birokrasi yang subjektif untuk menjelaskan bukti empirikal kesan rasuah terhadap pembangunan ekonomi. Kajian beliau mendapati padanan yang negatif antara rasuah dengan pelaburan dan pembangunan adalah signifikan dari sudut ekonomi dan statistik. Walaupun berhadapan dengan data yang terhad, kajian yang dibuat oleh pengkaji menunjukkan secara terperinci hubungan tersebut kuat bagi mengawal penentu piawai bagi pelaburan dan pertumbuhan. Secara jelasnya, terdapat bukti kesan birokrasi yang sama penting dalam penentu pelaburan dan pertumbuhan sebagaimana kestabilan politik.

Fahim Al-Marhubi (2000) dalam kajian beliau yang bertajuk "*Corruption and Inflation*" menjelaskan bahawa, rasuah adalah penyebab kepada kelemahan dalam makroekonomi seperti kekurangan pelaburan dan menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang lembap. Kajian beliau meluaskan lagi kesan negatif rasuah dan dikatakan turut menyumbang kepada tingkat inflasi. Kajian beliau juga turut menunjukkan bahawa kadar rasuah yang tinggi akan menyumbang kepada kadar inflasi yang tinggi. Hubungan terabit begitu kuat dengan dimasukkan beberapa pembolehubah inflasi selain daripada pembolehubah tahap kebebasan bank pusat, ketidakstabilan politik dan juga beberapa bentuk pembolehubah lain. Dari perspektif dasar, kesan utama bagi kajian beliau ini ialah pembaharuan institusi ekonomi dan politik bagi mengukuhkan penguatkuasaan undang-undang dan juga mengurangkan amalan rasuah perlu menjadi agenda utama bagi setiap pembaharuan dasar yang dibuat.

Seterusnya Pak Hung Mo (2001) dalam artikelnya bertajuk "*Corruption and Economic Growth*" menjelaskan peranan rasuah dalam pertumbuhan ekonomi. Dengan menyediakan penganggar kuantitatif akibat rasuah ke atas pertumbuhan dan kepentingannya terhadap saluran perubahan. Dalam penganggaran kuasa dua terkecil (*OLS*) yang dibuat, beliau mendapati dengan peningkatan satu peratus tingkat rasuah akan mengurangkan kadar pertumbuhan sebanyak 0.72 peratus atau dalam pernyataan yang berbeza ialah dengan peningkatan satu unit indeks rasuah akan mengurangkan kadar pertumbuhan sebanyak 0.545 mata peratusan. Apa yang paling penting dalam saluran yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi ialah ketidakstabilan politik, di mana sebanyak 53 peratus jumlah yang mempengaruhi dalam pertumbuhan ekonomi. Beliau juga mendapati rasuah boleh mengurangkan tingkat modal insan dan perkongsian pelaburan persendirian.

Keith Blackburn et. al (2006) pula dalam kajian beliau yang bertajuk "*The Incidence and Persistence of Corruption in Economic Development*" telah memfokuskan rasuah di kalangan birokrasi awam dan implikasinya terhadap pembangunan ekonomi. Beliau menemui beberapa petunjuk yang penting dalam kajian ini di mana petunjuk tersebut memberi tindak balas kepada tiga situasi utama dalam berlakunya rasuah iaitu wujud delegasi pihak berkuasa dari ketua sehingga ke pihak bawahan bahawa pihak berkuasa ini boleh dieksplorasi untuk mendapat habuan ekonomi. Secara empirikalnya, hubungan sebab dan akibat dua hala adalah penting bagi potensi untuk mencipta masalah dalam bias secara serentak dalam regresi rasuah dan pertumbuhan. Kajian yang dibuat ini melibatkan penganggaran regresi berbilang negara untuk menguji sesetengah hipotesis mengenai hubungan di antara rasuah (yang diukur melalui indeks rasuah dan indeks pentadbiran kerajaan), pembangunan (sepertimana tingkat yang diberi, atau kadar pertumbuhan bagi pendapatan perkapita) dan nombor bagi pembolehubah yang lain.

Bruce W. Finnie et.al (2006) seterusnya dalam kajian beliau yang bertajuk "*Economic Development: Corruption, Complexity, Wealth and A Contribution to The Theory of Economic Growth*" pula menggunakan kaedah analisis penjelasan ekonomi dan sosial pada masa sekarang dan masa lepas bagi menguji fenomena pembangunan. Pemantauan beliau mengenai rasuah ini adalah dengan melihat negara-negara, pemilikan, kebebasan dan individualisme. Interaksi ini membentuk satu model yang dinamakan *triad of strains* dengan tiga sudut iaitu pemilikan tanggungjawab, penzahiran kebebasan dan kawalan rasuah. Semua aktiviti ekonomi bergantung kepada kawalan politik dan sosial. Namun analisis beliau menunjukkan bahawa kawalan ini selalunya boleh menjadi terlebih terutamanya kepada negara yang mengamalkan autokrasi. Bagi pembangunan yang optimum, perlu ada had bagi kawalan terabit. Birokrasi yang didorong oleh perundangan dan kuasa tanpa batasan berbanding dengan sebab kebiasaannya akan jatuh kerana kekurangan pertimbangan nilai manusia dan keperluan bagi pemilikan dalam membantu untuk memastikan tindakan yang rasional.

Bagi David Ng (2006) pula, kajian beliau yang bertajuk "*The Impact of Corruption on Financial Markets*" telah memfokuskan kepada peranan, rasuah terhadap pasaran kewangan. Kebelakangan ini banyak kajian dibuat untuk mengkaji bagaimana tahap rasuah sesebuah negara memberi kesan terhadap aset bagi negara yang lain. Bila melihat kepada pasaran kewangan antarabangsa, didapati rasuah berkait rapat dengan kos pinjaman yang tinggi, penilaian saham yang rendah dan juga tadbir korporat yang lemah. Bukti menunjukkan kesan gangguan rasuah dan juga kajian teoritikal mengesahkan kesan ini. Dapatan kajian beliau menunjukkan kos yang ditanggung akibat rasuah adalah sangat signifikan dengan pelbagai bidang dalam ekonomi.

Seterusnya kajian terbaru yang dibuat oleh *Mushfiq Swaleheen* (2007) yang bertajuk "*Corruption and Saving In A Panel Of Countries*" menyatakan bahawa simpanan bergantung kepada insentif dan keupayaan untuk menyimpan. Kajian perpustakaan yang dibuat ini membuktikan bahawa kebanyakan penentuan bagi simpanan adalah berkaitan dengan insiden dengan rasuah. Beliau melihat dengan mendalam hubungan antara rasuah dengan tingkat pelaburan di mana analisis empirik yang dibuat adalah melangkaui negara. Bukti yang ditunjukkan, secara langsung kadar simpanan negara kasar berkurangan akibat daripada galakan pelaburan. Kajian turut mendapat tahap pendapatan, kadar pertumbuhan pendapatan benar perkapita dan nisbah cukai-KDNK adalah perkara penting yang menunjukkan kesan rasuah kepada simpanan yang ditujukan. Keputusan yang dibuat adalah penting di mana tahap rasuah itu dimasukkan dalam pertimbangan untuk menganalisis hubungan dengan penentunya. Bukti yang ditunjukkan dalam kajian beliau juga turut mendapat dengan pengurangan cukai akan meningkatkan kadar simpanan negara kasar sebanyak 6.1 peratus. Bagi hubungan dengan kadar simpanan negara kasar, kesan pengurangan rasuah kebanyakannya disalurkan kepada kadar pendapatan yang tinggi, kadar faedah yang rendah dan pungutan hasil cukai yang baik.

3. MODEL DAN DATA KAJIAN

Dalam kajian ini, model yang dibentuk adalah hasil gabungan beberapa pembolehubah yang diambil daripada model-model kajian terdahulu. Antaranya seperti model yang dikemukakan oleh Fry (1993) yang dibentuk untuk menentukan kesan Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) terhadap pertumbuhan ekonomi seperti yang ditunjukkan dalam persamaan di bawah (Boon How, Chan & Shahidur Rahman 1992);

$$\ln Y_t = \alpha_0 + \alpha_1 \ln FDI_t + \alpha_2 \ln GEX_t + \alpha_3 \ln IM_t + \alpha_4 \ln ER_t + \alpha_5 \ln DI_t + e_t \quad (3.1)$$

Di mana Y merupakan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar, FDI sebagai Pelaburan Langsung Asing, EX adalah jumlah eksport, IM adalah jumlah import, ER adalah kadar pertukaran asing dan seterusnya DI merupakan pelaburan domestik.

Melihat kepada model pertumbuhan ekonomi yang telah dinyatakan sebelum ini, terdapat juga model daripada kajian terdahulu yang melihat sejauh mana kesan rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi. Misalnya kajian yang dibuat oleh Pak Hung Mo (2001) yang meletakkan persamaan berikut:

$$GR = F\{y, IY, dLL\} \quad (3.2)$$

Di mana GR dan y adalah kadar pertumbuhan KDNK benar dan jumlah faktor produktiviti, manakala IY ialah nisbah pelaburan output, dan dLL ialah kadar pertumbuhan buruh. Dalam pernyataan ini, Fy bersamaan dengan 1, FIY ialah marginal modal pengeluaran, dan $FdLL$ adalah keanjalan pengeluaran terhadap buruh.

Manakala menurut Levine dan Renelt (1992; Pak Hung Mo, 1999) yang menyatakan bahawa empat pembolehubah yang ditentukan dalam pertumbuhan; yang demikian itu adalah perkongsian pelaburan dalam KDNK, kadar pertumbuhan populasi, tingkat permulaan KDNK benar perkapita dan proksi untuk modal insan. Dua pemboleh ubah yang pertama dan kedua adalah berdasarkan kepada alat-alat pertumbuhan. Manakala pembolehubah yang ketiga dan keempat adalah berkaitan dengan alat-alat kepada pembangunan.

Berdasarkan kepada huraian tersebut, kadar pertumbuhan produktiviti ditentukan oleh ;

$$y = y(CORRUPT, y_0, HUMAN) \quad (3.3)$$

di mana CORRUPT adalah indeks bagi kadar rasuah, y_0 adalah KDNK perkapita, dan HUMAN ialah indeks untuk stok modal insan. Modal insan adalah merupakan kesan yang positif terhadap kadar pertumbuhan jumlah faktor produktiviti kerana kumpulan buruh yang berpendidikan adalah baik dari sudut pengetahuan, kreativiti, dan berkeupayaan melaksanakan teknologi yang baru, di mana penghasilan tersebut meningkatkan kadar pertumbuhan produktiviti (Pak Hung Mo, 2001).

Justeru itu, berdasarkan kepada penjelasan model-model terdahulu dalam menentukan pertumbuhan ekonomi. Di sini, pengkaji telah membentuk satu model di mana ianya berasaskan kepada model Fry. Model yang dibentuk dalam kajian ini adalah dengan menambah indeks rasuah dalam menentukan kesannya terhadap pertumbuhan ekonomi disamping beberapa pembolehubah diketepikan. Model yang dibentuk adalah seperti di bawah:

$$KDNK_t = \beta_0 + \beta_1 Korr_t + \beta_2 FDI_t + \beta_3 GEX_t + \beta_4 INFL_t + \mu_t \quad (3.4)$$

Model di atas perlu ditukarkan kepada bentuk log linear seperti di bawah:

$$\ln KDNK_t = \beta_0 + \beta_1 \ln Korr_t + \beta_2 \ln FDI_t + \beta_3 \ln GEX_t + \beta_4 \ln INFL_t + \ln \mu_t \quad (3.5)$$

Di mana KDNK adalah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Korr adalah Kadar Rasuah, FDI adalah Pelaburan Langsung Asing (FDI), INFL adalah Kadar Inflasi, μ adalah pemboleh ubah rawak dan t adalah tempoh masa iaitu 1980 hingga 2006.

4. KEPUTUSAN KAJIAN

4.1. Keputusan Penganggaran

Jadual 4.1 di bawah menunjukkan hasil keputusan penganggaran linear yang dibuat dengan menggunakan perisian E-Views bagi negara Malaysia dan Indonesia :

Jadual 4.1: Keputusan Penganggaran

	Intercept	InKORR	InGEX	InFDI	InINFL	R ²	Durbin-Watson
Malaysia	6.086 (4.3349)***	-1.618 (-0.0944)***	0.665 (9.9479)***	0.179 (3.0856)***	-0.086 (-1.9253)*	0.962	1.008
Indonesia	8.958 (30.1923) ***	0.136 (4.8598)***	0.960 (39.6135)***	0.004 (2.9709)***	0.015 (0.4868)	0.997	1.4972

Nota:

*** Signifikan pada 1%; ** Signifikan pada 5%; *Signifikan pada 10%.

Nilai dalam kurungan adalah nilai statistik-t.

4.2 Analisis Keputusan Kajian

Bahagian ini akan menganalisis keputusan kajian yang dibuat mengikut negara-negara yang dikaji. Bagi melihat kesan rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi, hanya Malaysia memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi secara signifikan pada aras keertian 96 peratus. Manakala bagi Indonesia pula, rasuah secara signifikan memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi pada aras ke ertian 99 peratus.

a) Malaysia

Hasil keputusan regresi yang diperoleh dapat ditunjukkan berdasarkan kepada persamaan di bawah:

$$KDNK = 6.086 - 1.618 \text{ In Kor} + 0.665 \text{ In GEX} + 0.179 \text{ In FDI} - 0.086 \text{ In INFL}$$

Berdasarkan kepada persamaan di atas, dapat ditunjukkan bahawa peningkatan rasuah sebanyak 1 peratus akan mengakibatkan pertumbuhan ekonomi menurun sebanyak 1.618 peratus. Ini menunjukkan bahawa rasuah memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia akibatnya daripada peningkatan kadar rasuah di negara Malaysia.

Manakala bagi pembolehubah lain, peningkatan 1 peratus dalam perbelanjaan kerajaan akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi KDNK sebanyak 0.665 peratus. Bagi Pelaburan Langsung Asing (FDI), peningkatan 1 peratus dalam Pelaburan Langsung Asing akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 0.179 peratus dan peningkatan 1 peratus dalam kadar inflasi akan mengakibatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia menurun sebanyak 0.086 peratus.

b) Indonesia

Hasil keputusan regresi yang diperoleh dapat ditunjukkan berdasarkan kepada persamaan di bawah:

$$KDNK = 8.958 + 0.136 \ln Kor + 0.960 \ln GEX + 0.004 \ln FDI + 0.015 \ln INF$$

Berdasarkan kepada persamaan di atas, dapat ditunjukkan bahawa peningkatan rasuah sebanyak 1 peratus di Indonesia akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara Indonesia turut meningkatkan sebanyak 0.399 peratus. Ini menunjukkan bahawa hubungan rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi negara Indonesia adalah positif.

Manakala bagi pembolehubah lain, peningkatan 1 peratus dalam perbelanjaan kerajaan akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Indonesia sebanyak 0.960 peratus. Bagi Pelaburan Langsung Asing (FDI), peningkatan 1 peratus dalam Pelaburan Langsung Asing (FDI) akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi KDNK sebanyak 0.004 peratus dan peningkatan 1 peratus dalam inflasi akan mengakibatkan pertumbuhan ekonomi Indonesia turut meningkat sebanyak 0.015 peratus. Namun demikian, pembolehubah inflasi pula menunjukkan bahawa pembolehubah tersebut tidak signifikan dalam menerangkan pertumbuhan ekonomi bagi negara Indonesia.

5. PENUTUP

Dapatan kajian ini didapati selari dengan kebanyakan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu mengenai kesan negatif rasuah terhadap pertumbuhan ekonomi. Misalnya kajian yang dijalankan oleh Paolo Mauro (1995) memberikan bukti bahawa rasuah menurunkan kadar pelaburan serta merencatkan pertumbuhan ekonomi. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati penurunan satu dalam indeks rasuah akan menyebabkan pelaburan meningkat sebanyak 5 peratus dan pendapatan KDNK akan bertambah separuh daripada peratusan peningkatan. Dalam pada itu juga, amalan rasuah itu sendiri turut meningkatkan kadar inflasi bagi sesebuah negara. Kajian yang dibuat Fahim Al-Marhubi (2000) mendapati bahawa rasuah memberi kesan yang negatif dan mengandaikan rasuah ini juga adalah sebahagian daripada penyebab berlakunya peningkatan kadar inflasi. Bukti analisis kajian yang dibuat beliau mendapati bahawa, peningkatan jumlah rasuah secara tidak langsung akan meningkatkan kadar inflasi. Oleh yang demikian, peningkatan kadar inflasi juga akan turut menjelaskan pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara.

Walaupun begitu, keputusan kajian bagi negara Indonesia pula menunjukkan hubungan positif di antara rasuah dengan pertumbuhan ekonomi negara terbabit. Bagi negara Indonesia, ianya dapat dijelaskan lagi bahawa dengan peningkatan 1 peratus dalam rasuah akan membawa kepada peningkatan sebanyak 0.136 peratus dalam pertumbuhan ekonomi negara tersebut. Dalam pada itu juga, pembolehubah lain dalam persamaan model regresi yang telah dibuat bagi negara Indonesia, hanya pembolehubah inflasi saji yang tidak signifikan dalam menerangkan pertumbuhan ekonomi.

Kesimpulannya, gejala rasuah sememangnya mendorong kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi terutamanya di kalangan negara-negara membangun. Ini jelas menunjukkan bahawa kesan rasuah secara tidak langsung akan merencatkan pertumbuhan ekonomi negara Malaysia. Meskipun rasuah itu sendiri memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara Indonesia, namun di sebalik peningkatan pertumbuhan ekonomi negara Indonesia yang seiring dengan peningkatan kadar rasuah menyebabkan juga peningkatan dalam kadar kemiskinan di negara tersebut. Oleh itu, apa yang boleh diringkaskan bahawa rasuah boleh menyebabkan ketidakstabilan ekonomi serta kebijakan sosial terjejas.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Samat Kasah. (2002), *Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Terhadap Bahaya Gejala Rasuah: Satu Kajian Di BPR Pahang. Kertas Projek Bagi Diploma Sains Kepolisian Di Maktab Polis DiRaja Malaysia.* Kuala Kubu Baru.
- Al-Marhubi, Fahim A. 2000. Corruption and inflation. *Economic Letters.* 66: 199-202.
- Blackburn, Keith. 2006. *The Incidence And Persistence Of Corruption In Economic Development. Journal of Economic Dynamics & Control.* 30: 2447-2469.
- Bruce, W. F. Linda K. G & David E. M. 2006. Economic Development: Corruption, Complexity, Wealth And A Contribution To The Theory Of Economic Growth. www.emeraldinsight.com/0828-8666.htm. 22(4): 185-204.
- Fry, M.J., 1993. Foreign Direct Investment In Southeast Asia: Differential Impact. Singapore: Institute of South East Asia Studies.
- Kamus Dewan (1992), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 835
- Khairul Azhar Idris. 2005. *Membendung Naturi ke Jerat Rasuah.* Dlm. Ya'acob dan Norharizah Ismail (pnyt). Islam Hadhari Himpunan Isu Kontemporori. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mauro, Paolo. 1995. Corruption and growth. *Quarterly Journal of Economics.* 110(3): 681-712.
- Mohd Shauki Abdul Majid (2004), *Wacana Hadhari Dalam Islam.* Kuala Lumpur: - Book Publication Sdn. Bhd, h.23
- Ng, David. (2006), *The Impact of Corruption on Financial Markets.* www.emeraldinsight.com/0307-4358.htm. 30(10): 822-836.
- Nurhafifi Yahya (2008), *Gejala Rasuah dan Kesannya,* Koleksi Ilmiah Jakim <http://www.islam.gov.my/e-referikan/lihat.php?jakim=2088>, 14 Jun 2008.
- Syed Hussen Al-Attas. 1995. *Rasuah, Sifat Sebab Dan Fungsi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sheikh Abdulla Basmieh (1995), "Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran", cetakan ke enam, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Swalehen, Mushfiq. 2007. Corruption and saving in a panel of countries. *Journal of Macroeconomics* (2007). 1-23
- Zaharuddin A, R (2008), *Gejala Rasuah dan Statistiknya di Malaysia,* <http://www.zaharuddin.net/> , 12 Jun 2008.